

4 Julai 2019

ICI Ref: MSPO 010A (POM) & MSPO 010B (Estates) FGV Holdings Berhad – Kompleks Sampadi Peringkat 2/Penilaian Awal

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Peringkat 2/Penilaian Awal MSPO ke atas FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang –Kompleks Sampadi, Lundu, Sarawak

FGV Holdings Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Kompleks Sampadi bagi memenuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MSPO 2530-3 (2013) General principles for oil palm plantations and organised smallholders* dan *MSPO 2530-4 (2013) General principles for palm oil mills*.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan Peringkat 2/Penilaian Awal bagi FGV Holdings Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Kompleks Sampadi pada 5 – 9 August 2019.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian FGV Holdings Berhad, Unit Pengurusan Ladang, Kumpulan Kompleks Sampadi. Unit bagi pensijilan ini terletak di Lundu, Sampadi.

Secara ringkas, FGV Holdings Berhad memiliki dan mengendalikan 70 buah kilang minyak sawit dan 176 estet di seluruh Malaysia

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: Kompleks Sampadi

Unit Operasi	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Sampadi POM (Capacity: 40 MT/hour)	Kilang Sawit Sampadi, Peti Surat 39, 94507, Lundu, Sarawak	1.40.22N	110.9.48 E
FGVPM Sampadi 01	Ladang Felda Sampadi 01, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1° 36' 05" N	109° 56' 29" E
FGVPM Sampadi 03	Ladang Felda Sampadi 03, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1° 32'40" N	109° 51' 47" E
FGVPM Sampadi 04	Ladang Felda Sampadi 04, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1° 37'09" N	109° 59' 56"
FGVPM Sampadi 05	Ladang Felda Sampadi 05, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1° 32'20" N	109° 59' 46" E
FGVPM Sampadi 06	Ladang Felda Sampadi 06, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1°36"52" N	110°03'58' E

Nama Ladang	Alamat	Tanaman Menghasilkan (Ha)*	Tanaman Belum Menghasilkan (Ha)*	Kawasan**		Penghasilan Tahunan BTS (Ton)*
				Jumlah (Ha)	Ditanam (Ha)	
FGVPM Sampadi 01	Ladang Felda Sampadi 01, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	863.74	333.35	1,361.82	1,197.09	10,669.73
FGVPM Sampadi 03	Ladang Felda Sampadi 03, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1081.21	-	1,286.35	1081.21	11,575.97
FGVPM Sampadi 04	Ladang Felda Sampadi 04, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	633.92	996.79	2,009.90	1,630.71	11,283.31
FGVPM Sampadi 05	Ladang Felda Sampadi 05, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	790.95	303.88	1,408.20	1,094.83	14,605.07





FGVPM Sampadi 06	Ladang Felda Sampadi 06, Peti Surat 18, 94507 Lundu, Sarawak	1,283.02	-	1,761.90	1,283.02	15,930.35
Total		4,652.84	1,634.02	7,623.10	6,286.93	64,064.43

* & ** - Anggaran 12 bulan yang lalu

Nama Kilang	Alamat	Penghasilan Tahunan *		Kapasiti Kilang (Ton / Jam)
		CPO (Ton)	PK (Ton)	
Kompleks Sampadi - POM	Kilang Sawit Sampadi, Peti Surat 39, 94507, Lundu, Sarawak	38,911.72	9,363.82	40

* Anggaran 12 bulan lalu (2017 / 2018)

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of-Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - Dr. Ooi Cheng Lee (Kilang Minyak Sawit, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
 - En. Sazali Bin Hasni (Temuduga Pemegang Kepentingan, Alam Sekitar dan HCV / Pemuliharaan)
 - En. Jumat Majid (Temuduga Pemegang Kepentingan, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. William Ng Tuck Seong
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: william.ng@intertek.com

Mr. Ahmad Shahrir Ismail
Sustainability Manager
Plantations Sustainability Department (PSD)
FGV Holdings Berhad,
Level 20, West Wisma FGV
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2789 0000 Fax: +603 2789 0001
Email: shahrir.i@fgvholdings.com



Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'William Ng Tuck Seong'.

William Ng Tuck Seong
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd